

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, January 28, 2020 9:17 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Buru Lima Emas Karnival Sukan MASUM Fasa Satu



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 JANUARI 2020 / 3 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

UUM BURU LIMA EMAS KARNIVAL SUKAN MASUM FASA SATU



UUM ONLINE: Kontinjen Universiti Utara Malaysia (UUM) meletakkan sasaran untuk meraih lima pingat emas pada Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa Satu anjuran MASUM yang akan berlangsung mulai 31 Januari hingga 6 Februari ini di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Arau, Perlis.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, beliau berharap atlet universiti akan membawa pulang pingat yang lebih baik pada karnival kali ini berbanding tahun sebelumnya.

"Jika tahun sebelum ini kita hanya memperoleh satu pingat emas, saya harap tahun ini dapat sasaran lima pingat emas sebagai bukti kegigihan dan kesungguhan untuk mengharumkan nama UUM dalam acara sukan.

"Saya yakin dengan kemudahan dan fasiliti yang disediakan di universiti ini adalah lebih baik dan canggih berbanding universiti lain, antaranya kemudahan padang golf 18 lubang dan gelanggang futsal bertaraf antarabangsa sudah mampu untuk kita melahirkan atlet ternama,"

katanya pada Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen UUM Ke Karnival Sukan MASUM Fasa 1 di Pusat Sukan, hari ini.

Seramai 104 atlet akan mewakili UUM dalam sembilan daripada 11 acara sukan yang dipertandingkan iaitu pencak silat, karatedo, sepak takraw, softball, tenis, badminton, ping pong, bola keranjang dan catur.

Naib Canselor berkata, beliau juga mahu UUM dikenali kerana melahirkan atlet sukan ternama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, bukan sekadar pengeluar ijazah akademik, justeru beliau berharap semua atlet tidak patah semangat dan jadikan sukan sebagai platform untuk memantapkan jati diri, selain memburu kemenangan.

Sementara itu, Ketua Kontinjen, Za'im Ahmad yang juga Pengarah Pusat Sukan berkata, beliau menyahut cabaran Naib Canselor yang mensasarkan lima pingat emas berbanding dua yang disasarkan pada awalnya bagi acara sukan pencak silat dan karatedo.

"Saya anggap ia satu cabaran dan akan berusaha untuk merealisasikan sasaran tersebut, tambahan pencak silat dan karatedo diletakkan sebagai sandaran utama berdasarkan pencapaian cemerlang atlet sukan tempur dalam beberapa siri kejohanan yang disertai sebelum ini," katanya.

Jurulatih pencak silat, Mohd Sobri Hashim berkata, beliau yakin dengan kemampuan atlet UUM untuk bersaing merebut pingat emas, seterusnya melepasi sasaran ditetapkan.

Menurutnya, antara universiti yang menjadi pesaing terdekat adalah UiTM, UTHM dan UPSI yang selalu menjadi saingan kepada UUM yang kali ini banyak diwakili muka-muka baharu.

Bagi atlet pencak silat, Muhammad Faqih Che Lah, dia mensasarkan untuk meraih pingat emas buat kali ketiga pada MASUM tahun ini dan berharap dapat berdepan dengan pencabar terdekat iaitu UiTM.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.